

08 MAY 2002

FARRELL-GLOBALISASI/I

NEGARA-NEGARA KURANG MAJU PERLU BANTUAN DAN SOKONGAN UNTUK BERSAING

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Langkah-langkah positif di negara-negara kurang maju perlu diteruskan bagi membolehkan mereka sama-sama bersaing dalam era globalisasi dan pada masa yang sama menerapkan struktur politik yang lebih teratur bagi menjamin kejayaan.

Larry C. Farrell, penulis buku terkemuka mengenai keusahawanan berkata terdapatnya agensi-agensi pemberi pinjaman antarabangsa ditubuh bagi membantu mereka yang tidak berkemampuan tetapi malangnya, di kebanyakan negara-negara kurang maju, dana-dana yang diperolehi tidak diuruskan dengan betul kerana kekurangan struktur politik.

Telah banyak kali berlaku di mana dana-dana yang diberikan disia-siakan dan tidak digunakan dengan betul, kata beliau kepada pemberita selepas memberi ceramah mengenai keusahawanan di auditorium Suruhanjaya Sekuriti di sini.

Terdahulu, Farrell, penulis terkenal buku perniagaan "The Entrepreneurial Age", memberi ceramah yang bertajuk "Menyediakan Usahawan Malaysia untuk Masa Depan; Cabaran untuk Kekal Berdaya Saing". Ceramah ini adalah anjuran bersama Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Accenture.

"Saya rasa kita perlu meneruskan usaha langkah-langkah afirmatif tetapi pada satu peringkat, kita rasakan yang negara penerima sebenarnya perlu mempunyai struktur politik dan infrastruktur yang baik," kata beliau.

Farrell berkata dana-dana yang diuruskan dengan baik telah terbukti dapat memberi manfaat kepada kebanyakan negara-negara kecil Asean yang telah menerima bantuan pada tahun-tahun awal selepas Peperangan Dunia Kedua.

Negara-negara ini kesemuanya telah membayar semula pinjaman mereka dan telah menunjukkan prestasi pertumbuhan yang baik, kata beliau yang enggan menamakan negara-negara berkenaan.

"Terdapat negara-negara lain di mana wang telah dibazirkan oleh pemimpin rasuah dan wang itu hilang begitu sahaja dan rakyat tidak mendapat apa-apa, kekal miskin," kata beliau.

Dalam ceramah itu, antara lainnya Farrell menekankan kepentingan melahirkan usahawan yang tahu selok-belok perniagaan yang dijalankan.

"Jika mereka melakukan sesuatu hanya untuk mendapatkan wang, ia adalah resipi yang menjuruskan kepada bencana," kata beliau.

Dalam hubungan ini, penasihat-penasihat kerja terutamanya perlu bertanya kepada graduan universiti ataupun lepasan sekolah soalan seperti "apa yang ingin anda lakukan? dan bidang apa yang anda bagus?"

Farrell berkata para usahawan pada peringkat tertentu perlu memberi perhatian kepada apa yang berlaku di dunia ini bagi memahami pasaran dan merealisasikan pelbagai produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh dunia.

Dalam pada itu, Farrell memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi penekanan terhadap pembangunan usahawan di dalam negara.

-- BERNAMA

AFY KTC AA